



Risalah Kesihatan Edisi Jan 2010

JANGKITAN SALURAN KENCING

Urinary tract infection

Disediakan Oleh

Norazam Abdul Rashid

Apakah jangkitan saluran kencing?

Apabila kuman (bakteria) menyerang saluran kencing ia dikenali sebagai UTI

Apakah kuman biasa yang menyebabkan UTI?

Escherichia Coli biasanya terdapat di saluran penghadaman (usus) dan di bahagian kulit sekeliling kepaluan.

Adakah lelaki boleh mendapat jangkitan saluran kencing?

Ada juga lelaki yang dijangkiti jangkitan saluran kencing tetapi jarang jika dibandingkan dengan kaum wanita. Jika lelaki mendapat jangkitan salur kencing, mereka mungkin mempunyai struktur dan fungsi yang abnormal di sistem saluran kencing mereka.

Kenapa jangkitan saluran kencing lebih kerap berlaku di kalangan kaum perempuan?

Uretra pada perempuan adalah pendek. Lubang uretra terletak bersebelahan dengan dubur dan lubang kelamin.

Apakah tempat yang biasa dijangkiti?

Pundi kencing adalah tempat yang biasa dijangkiti. Jangkitan pada pundi kencing dikenali sebagai “cystitis”.

Bagaimanakah cara kuman memasuki pundi kencing?


Pencemaran bakteria mungkin berlaku di kalangan perempuan semasa mengesat dubur dari belakang ke depan selepas membuang air besar. Bakteria dalam faraj (vagina) mungkin akan naik ke pundi kencing semasa hubungan kelamin.

Apakah gejala yang biasa UTI?

1. Kencing dengan kerap
2. Rasa sakit atau rasa pedih selepas kencing
3. Rasa hendak kencing lagi walaupun tiada air kencing (tidak puas)
4. Rasa sakit di bahagian bawah abdomen
5. Kencing berdarah atau kencing yang berbau
6. Demam sederhana

Apakah gejala yang menunjukkan jangkitan sudah melintasi pundi kencing?

1. Demam yang tinggi berserta dengan rasa sejuk dan menggigil
2. Sakit di bahagian belakang pinggang



Info

SALURAN kencing terdiri daripada

Buah pinggang
Ureter
Pundi kencing
Uretra

Apakah rawatan untuk UTI?

Anda akan diberi ubat antibiotik untuk membunuh kuman. Adalah penting untuk anda menghabiskan rawatan anti biotik seperti yang diarahkan oleh doktor.

Bagaimana anda boleh mencegah UTI?

Sentiasa bersihkan dan keringkan bahagian kemaluan anda
Bersihkan dubur dan bahagian kemaluan dari depan ke belakang setiap kali selepas anda buang air
Tukar tampon dan tuala wanita dengan kerap semasa anda datang haid
Pergi ke tandas setiap kali anda rasa hendak membuang air
Jangan gunakan seluar dalam jenis nilon
Jangan gunakan spray kebersihan wanita atau ‘douche’ kerana produk ini boleh merengsakan uretra.

